



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH		
TARIKH	:	20/9/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	: 14
JABATAN	:	JPNT		

### 14 pemandu ceroboh Hutan Simpan Petuang kena tahan

**Kuala Terengganu:** Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu menahan seramai 14 pemandu kenderaan pacuan empat roda selepas didapati mencero boh kawasan Hutan Simpan Petuang, Hulu Terengganu, kelmarin.

Dalam serbuan jam 11.30 pagi itu, kesemua lelaki berusia antara 21 hingga 65 tahun ditahan kerana memasuki kawasan hutan simpan tanpa kebenaran.

Pengarahnya, Roslan Rani, berkata operasi dilakukan pasukan penguat kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu bersama anggota pasukan Pejabat Hutan Daerah Terengganu Barat susulan aduan terdapat pencerobohan di kawasan berkenaan.

"Dalam operasi itu, kita menahan 14 lelaki bersama kenderaan 4x4 (pacuan empat roda) masing-masing yang dipercayai digunakan untuk memasuki hutan simpan tanpa kebenaran bertulis atau permit memasuki hutan simpan kekal.

"Ketika serbuan dilakukan, mereka sedang berehat di tepi sungai berhampiran dan mendakwa memasuki kawasan hutan simpan ini untuk menikmati keindahan alam sempena cuti hujung minggu.

"Kesemua mereka ditahan untuk siasatan lanjut manakala kenderaan yang ada turut disita," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Roslan berkata, pihaknya sebelum ini menahan 13 penunggang motosikal *motocross* di Hutan Simpan Tembat, Hulu Terengganu pada Khamis lalu kerana kesalahan sama.

Katanya, pihaknya memandang serius isu pencerobohan memandang kawasan hutan simpan kekal tidak boleh dicero boh tanpa kebenaran pihak berkuasa.

"Kita bukan hanya menahan mereka yang mencuri hasil hutan yang ada tetapi menjadi kesalahan kepada mana-mana pihak masuk ke dalam hutan simpan tanpa kebenaran.

"Kesemua yang ditahan ini diasasat mengikut Seksyen 47 (1) (c) Enakmen Perhutanan Negara (Penerimaan-pakai) 1986 Negeri Terengganu yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM10,000

atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan," katanya.



Roslan Rani

BH, 20  
Sept  
2021-14

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)